



**UTeM**  
Universiti  
Teknikal  
Malaysia  
Melaka

**BERINOVASI**  
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI



## BENTUK BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI

**29 Januari 2010** - Warga UTeM diseru agar membentuk budaya kerja berprestasi tinggi untuk mendapatkan hasil yang membanggakan dalam semua tugas yang dilaksanakan. Ia juga hendaklah dibentuk secara inovatif dan kreatif dengan menekankan aspek kualiti secara keseluruhan serta mempunyai fokus tertentu.

Demikian seruan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dalam ucapan Perutusan Naib Canselor UTeM 2010 yang telah berlangsung di Dewan Besar, Kampus Induk UTeM Durian Tunggal pagi ini.

"Situasi kini agak unik kerana berdasarkan aliran arus perdana, dunia pendidikan berkembang dengan amat pesat sekali. Semestinya kita juga tidak mahu ketinggalan dalam meniti arus ini namun pada masa yang sama kita harus melalui kesan kegawatan ekonomi yang menuntut kita untuk melakukan perubahan serta bertindak dengan lebih bijak." kata Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff lagi.

Sesuai dengan tema perutusan pada tahun ini iaitu 'Inovasi Pemacu Kegemilangan Pembangunan Lestari', Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff mahu semua pihak dapat menterjemahkan hala tuju masing-masing dengan melakukan inovasi serta mengambil kira aspek kelestarian. Menurut beliau, inilah masa yang paling sesuai untuk membentuk suatu matlamat yang jelas kerana universiti ketika ini sedang memulakan proses pembangunan dengan pesat di tempat yang baru.

Beliau juga turut menekankan aspek persekitaran pembelajaran di UTeM yang perlu diwujudkan sesuai dengan peranan yang dimainkan. Proses pembelajaran ini bukan terhad kepada pelajar sahaja bahkan kalangan staf juga perlu sentiasa belajar untuk peningkatan diri dan juga tugas yang hendak dilaksanakan. Pembudayaan ilmu jika dihayati dengan baik akan meningkatkan kecemerlangan dan akan menghasilkan pembaharuan yang akan dinikmati kita bersama.

Naib Canselor sekali lagi menekankan bahawa pentingnya semangat kerja berpasukan yang terancang dan bersistem untuk meningkatkan mutu kerja yang ingin dihasilkan. Pada tahun ini matlamat yang ingin dicapai juga ditingkatkan kepada kegemilangan berbanding pada tahun lepas iaitu untuk mencapai kegemilangan kerana beliau mahukan semua pihak membuat anjakan yang lebih jauh dan ke hadapan.

Naib Canselor dalam perutusannya kali ini telah menyentuh semua aspek dalam universiti merangkumi penyelidikan dan inovasi, akademik, pembangunan serta struktur organisasi. Beliau juga telah membuat beberapa pengumuman mengenai beberapa perkara seperti penstrukturkan semula beberapa Pusat Tanggungjawab agar ia lebih tersusun dan mempunyai fokus yang jelas yang diiringi tepukan gemuruh para hadirin.

Perutusan ini telah disampaikan di hadapan lebih 1500 orang staf serta wakil pelajar yang hadir ke majlis ini. Selepas menyampaikan perutusan, Naib Canselor telah melancarkan laman web UTeM yang baharu dengan diiringi oleh Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pengarah Pusat Komputer dan Pengarah Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat. Beliau juga melawat Pameran Klik 09 yang mempamerkan gambar-gambar aktiviti dan kejayaan UTeM sepanjang tahun 2009. Majlis ini berakhir kira-kira jam 11.30 tengah hari dengan jamuan makan tengahari yang disediakan.

LG  
173  
.M44  
.B47  
2010  
a  
Jan

9771985 470003

KANDUNGAN

Prof. Dr. Kadim Dilantik Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) | Naib Canselor Lancar Laman Web Baharu |  
Klik 09 | UTeM Adakan Pilihanraya Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar | Pesta Cahaya UTeM Menarik Minat Pelajar |  
Kor Suksis UTeM Tabur Bakti di Kuala Kangsar, Perak | Program Motivasi Beri Semangat Hadapi UPSR | Biro Pendidikan  
Wanita Bukit Katil Lawat UTeM | Personaliti Pilihan | Mesyuarat Agung Tahunan BAKUTEM Kali ke-5

10 Years  
A Decade  
Excellence



## Editor BERITA@UTeM

### KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi  
Bin Yusoff

### PENOLONG KETUA EDITOR :

Faradila Binti Md. Yusof

### WARTAWAN :

Ruzaiman Bin Abdul Rahman  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

### REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman

### JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi

### PENGEDARAN :

Al Rohaiya Binti Adanan

### URUS SETIA :

Azlinah Binti Ajis  
Nor'Emilia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?  
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang baru untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa 15 Januari 2010. Beliau telah dilantik bagi menggantikan Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohd. Diah yang telah tamat tempoh kontrak perkhidmatannya pada 14 Januari lalu.

Dilahirkan pada 24 Oktober 1960 di Kampong Bako, Kuching, anak jati Sarawak ini, Profesor Dr. Mohamad Kadim memulakan tugas sebagai Pensyarah pada 8 Disember 1984 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) setelah mendapat *Master of Science*, pengkhususan dalam bidang Microwave dari Portsmouth University, U.K. pada 1984. Pada 21 November 1991, beliau telah dianugerahkan Doktor Falsafah dalam bidang Optoelectronics daripada *University of Technology Loughborough, UK*.

Kerjaya beliau terus berkembang setelah berpindah ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 1994 sehingga menyandang jawatan Dekan di Fakulti Kejuruteraan. Beliau telah memulakan kerjaya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bermula pada 1 Disember 2003. Sepanjang 6 tahun berada di UTeM, beliau telah diberikan kepercayaan menyandang beberapa jawatan penting di Universiti antaranya Dekan Pusat Universiti Industri, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat.

Atas sumbangan dan pengalaman luas beliau ini maka beliau telah dilantik untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi di UTeM. Semoga pelantikan ini penyelidikan dan inovasi di UTeM akan bertambah maju demi memastabatkan UTeM untuk menjadi universiti bertaraf dunia.



## PROF. DR. KADIM DILANTIK TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

## NAIB CANSELOR LANCAR LAMAN WEB BAHARU

Seiring dengan arus perkembangan teknologi semasa, UTeM kini mengorak langkah dengan melancarkan laman web baharu dengan mengaplikasikan pelbagai kemudahan dan aplikasi secara dalam talian berbanding dengan laman web sedia ada. Laman web ini telah dibangunkan dengan mengambil kira pelbagai aspek terutamanya untuk keperluan para pengunjung laman web UTeM.

Melalui laman web ini banyak urusan yang membabitkan para pelajar dan kakitangan UTeM dapat diselesaikan secara online oleh kerana aplikasi-aplikasi yang disediakan di sini lengkap dan interaktif. Lebih menarik, laman web ini juga turut memaparkan maklumat dalam pelbagai bahasa utama iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Perancis, Arab, Mandarin dan Jepun.

Di samping itu juga, UTeM kini turut mempunyai akaun Facebook dan Twitter untuk meningkatkan komunikasi interaktif dengan pelbagai pihak terutamanya untuk para pelajar UTeM mengutarakan pendapat serta menyebarkan maklumat terkini UTeM.

Terbaru, laman khas VC @ UTeM turut dibangunkan yang memuatkan koleksi ucapan, aktiviti, gambar serta pelbagai maklumat lain mengenai Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan. Laman ini menjadikan Naib Canselor UTeM lebih dekat di kalangan masyarakat dan aktiviti serta buah fikiran beliau yang disampaikan terus di sini.

Dengan wajah yang lebih segar serta pengisian yang pelbagai, laman web baru UTeM ini akan menjadi medium interaktif utama UTeM. Majlis Pelancarannya telah dilakukan oleh Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff b. Hassan selepas beliau menyampaikan amanat beliau dalam Majlis Perutusan Naib Canselor 2010 pada 29 Januari 2010 di Dewan Besar Kampus Induk UTeM.


Perpustakaan	
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No Perolehan	No Panggilan
MC(47) 38312	L6 1F3 .M44 .B47
Tarikh	
04 MAR 2010	

Hak Cipta Terpelihara  
Pejabat Perancangan Dan  
Komunikasi Korporat, Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Karung Berkunci No. 1752, Pejabat Pos Durian Tunggal, 76109, Durian Tunggal, Melaka  
Tel : +606 331 6248 / 6249  
Faks : +606 331 6247

## KEPIMPINAN CEMERLANG, MEMACU KEGEMILANGAN



Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan  
NAIB CANSELOR UTeM





## UTeM BERBANGGA DI BAWAH NAUNGAN TUN CANSELOR

Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob

### HAMPIR SEDEKAD MEMBANGUNKAN UTeM



## MENERAJUI UTeM KE PUNCAK GEMILANG

Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan Universiti



## UNIVERSITI-KOMUNITI, TANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT







## JALINAN PERSEFAHAMAN UNTUK MELONJAK PERKEMBANGAN UTeM

## MELAKAR SEJARAH MENGHARUMKAN NAMA UTeM




## MEMBINA KECEMERLANGAN MELALUI PENYELIDIKAN DAN INOVASI





## PROGRAM PENGANTARABANGSAAN MEMARTABATKAN UTeM- UNIVERSITI BERTARAF DUNIA





## STAF KOMITED MENYOKONG KEJAYAAN UTeM



## UTeM MENYEDIAKAN MODAL INSAN BERPENGETAHUAN DAN BERSAHSIAH TINGGI



# UTeM ADAKAN PILIHAN RAYA PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR


28 Januari 2010 - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan pilihanraya bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2010/2011 di kampus Induk Durian Tunggal dan Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah, Melaka

Sebanyak lapan kerusi umum dan 14 kerusi fakulti telah dipertandingkan pada pemilihan pada tahun ini. Manakala tiga kerusi di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah diisyiharkan menang tanpa bertanding. Seramai 5833 pelajar UTeM layak untuk mengundi pada kali ini.

Proses pengundian dilakukan di lobi setiap fakulti, bangunan Persatuan Pelajar, Bilik Kuliah Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Makmal Fasa B di Ayer Keroh dan Bilik Rehat Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan di kampus bandar. Pengundian berlangsung mulai jam 8.30 pagi dan berakhir jam 5.00 petang. Pada tahun ini, UTeM sekali lagi akan menggunakan kaedah e-voting seperti pilihan raya tahun lepas kerana ia lebih efisien dan teratur.

Sementara itu Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah juga telah sempat meluangkan masa meninjau proses penamaan calon di kampus induk UTeM Durian Tunggal beberapa hari sebelum pilihan raya berlangsung.

Pihak universiti mengucapkan tahniah kepada para calon yang telah menang dalam pilihan raya kali ini dan semoga mereka komited dan berusaha menjadi pemimpin berwibawa kepada para pelajar.



## PESTA CAHAYA UTeM MENARIK MINAT PELAJAR

23 Januari 2010 - Pesta Cahaya UTeM 2010 anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian India Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menarik minat hampir 1500 penonton untuk menyaksikannya.

Majlis dirasmikan oleh Pengurus Jawatankuasa Negeri Pengangkutan, Penerangan dan Pengguna YB Datuk R. Perumal yang mewakili Ketua Menteri Melaka. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pengurus MIC Melaka.

Antara objektif pesta cahaya ini diadakan adalah memupuk integrasi dan perpaduan di kalangan warga universiti yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum selaras dengan konsep 1 Malaysia.

Acara yang menarik perhatian penonton dan mendapat tepukan gemuruh ialah persembahan Gendang 1Malaysia yang dijayakan oleh pelajar UTeM serta persembahan lain seperti Tarian 1Malaysia, Tarian Borneo, Tarian Bharathanatyam, serta tarian Klasikal India dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sebelum itu, Pesta Pongal iaitu satu upacara masyarakat Hindu untuk menyatakan kesyukuran kerana rezeki yang diterima setiap tahun, turut diadakan pada sebelah paginya. Acara kebudayaan seumpama ini telah berjaya merapatkan silaturahim antara kaum serta membantu memberi generasi muda dalam menghayati tradisi turun temurun masyarakat Hindu ini.



## KOR SUKSIS UTeM TABUR BAKTI DI KUALA KANGSAR, PERAK

Oleh : Koperal Azaini bin Ahamed

Seramai 95 anggota Kor SUKSIS UTeM, terlibat dalam aktiviti Khidmat Masyarakat di Kampung Ara Panjang dan Kampung Pulai, Manong, Kuala Kangsar, Perak yang bermula pada 21 Disember 2009 hingga 27 Disember 2009.

Program yang dijalankan ini adalah salah satu aktiviti-aktiviti terdapat dalam Program Perkhemahan Tahunan Kor SUKSIS di Hutan Lipur Ulu Kenas, Manong, Kuala Kangsar Perak. Selain daripada aktiviti gotong-royong, para peserta juga melakukan aktiviti lain seperti Jalan Lasak, Kawad, Jasmani, Pandu Arah, Rentas Halangan yang dijalankan Kem PGA Ulu Kinta Perak dan ceramah daripada Pegawai-pegawai kanan daripada Polis Diraja Malaysia agar para peserta mendapat pendedahan yang lebih meluas mengenai satu-satunya pasukan keselamatan dalam negara.

Tujuan diadakan perkhemahan ini adalah untuk membina ketahanan fizikal dan mental yang tinggi bagi menangani kerja berpasukan, selain memupuk semangat disiplin serta menerapkan nilai-nilai murni kepimpinan di kalangan anggota-anggota Kor Suksis UTeM.



## BIRO PENDIDIKAN WANITA BUKIT KATIL LAWAT UTeM

29 Januari 2010 - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima pelawat seramai 35 orang dari Biro Pendidikan Wanita Bahagian Bukit Katil kelmarin.

Rombongan diketuai oleh Datin Wira Halimah bt. Baba, isteri kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka telah diraikan oleh wakil daripada Persatuan Wanita dan Isteri Staf UTeM (Sri Kesidang).

Objektif lawatan ini ialah bagi mengetahui lebih lanjut mengenai perkembangan dan aktiviti yang dijalankan oleh Sri Kesidang serta meninjau peluang kerjasama antara kedua-dua persatuan dan melihat dengan lebih dekat sekitar Kampus Induk UTeM.

Semasa sesi lawatan tersebut, rombongan telah diberikan taklimat mengenai UTeM dan seterusnya dibawa melawat ke Perpustakaan, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan serta Dewan Besar UTeM.

## PROGRAM MOTIVASI BERI SEMANGAT HADAPI UPSR



Program Motivasi Kecemerlangan UPSR DUN Durian Tunggal dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan 180 orang pelajar tahun 6 dari sekolah sekitar DUN Durian Tunggal.

Majlis dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Durian Tunggal, Melaka Datuk Hj. Ab. Wahab b. Hj. Ab. Latip di Auditorium Kampus Induk, UTeM, Durian Tunggal kelmarin. Turut hadir Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi (Timbalan Naib Canselor-Penyelidikan & Inovasi) mewakili Naib Canselor, Tuan Hj. Sharif b. Ebok, Pengerusi Majlis Pemufakatan Pendidikan DUN Durian Tunggal dan Pegawai Pelajaran Daerah Alor Gajah, Tuan Hj. Kassim bin Muhammad.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar sekitar DUN Durian Tunggal sebagai persediaan melengkapkan diri ke arah mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan UPSR. Ia adalah salah satu program khidmat masyarakat oleh UTeM demi meningkatkan perkongsian ilmu antara akademik di UTeM dan masyarakat sekitar.



Nama staf : Mohd Rozi Bin Akasah  
PTj : Pusat Komputer

Nama anak : Siti Aminah Binti Mohd Rozi  
Tarikh lahir : 29 Januari 2010

Nama staf : Dr. T. Joseph Sahaya Anand  
PTj : Fakulti Kejuruteraan Pembuatan  
Nama Anak : Vishal Joshua  
Tarikh Lahir : 21 Januari 2010

Nama staf : Hj. Muhammad Suhaizan Sulong & Azlianor Abdul Aziz  
PTj : Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi  
Nama Anak : An-Nadiyah Binti Muhammad Suhaizan  
Tarikh Lahir : 4 Januari 2010

Nama staf : Asri Bin Din  
PTj : Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Nama Anak : Sumayyah Binti Asri  
Tarikh Lahir : 25 Disember 2009

Nama staf : Haironi Bin Fadzilah  
PTj : Pusat Komputer  
Nama anak : Ma Zara Tasnim Binti Haironi  
Tarikh lahir : 24 Disember 2009

### Kelahiran



*“ Hawa diciptakan dari rusuk Adam  
bukan dari kepalanya untuk dijunjung,  
bukan pula dari kakinya untuk dijadikan pengalasnya,  
tetapi dari sisinya untuk dijadikan teman hidup,  
dekat dengan lengannya untuk dilindungi  
juga dekat dengan  
hatinya untuk dicintai ”*

### Perkahwinan

Faradila binti Md Yusof (BPAK) bersama pasangannya Raizan Fazly Bin Rashidi selamat diijabkabulkan pada 25 Disember 2009.



Mohd Fairuz Azwad bin Mohd Zauwawi (Pusat Sukan) bersama pasangannya Normalina binti Hj. Mohd Noor (BPAA) selamat diijabkabulkan pada 22 Januari 2010.



Nurmala Irdawaty Hassan (FKEKK) bersama pasangannya Alim Anuar Mohd Moktar selamat diijabkabulkan pada 24 Januari 2010.






**ZAINAL BIN MAHDI**  
PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK  
PEJABAT PEMBANGUNAN & PENGURUSAN ASET

Bertugas sebagai Penolong Jurutera Elektrik sememangnya menjadikan beliau 'orang penting' terutama semasa persediaan majlis-majlis rasmi universiti. Memulakan karier di UTeM pada 1 Mac 2002, beliau ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) sebelum bertukar ke Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset pada 2003 sebagai Juruteknik Elektrik. Beliau yang kemudiannya dilantik sebagai Penolong Jurutera Elektrik pada 9 Januari 2008 sentiasa bersedia membantu menyelesaikan sebarang masalah berkaitan pepasangan elektrik, telefon dan sistem siaraya. Diantara sumbangan yang telah dicurahkan selama berkhidmat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah membantu membangunkan Makmal Fakulti Kejuruteraan Elektrik (pelan susunatur peralatan), terlibat dengan proses pembelajaran dan pengajaran subjek Amalan Kejuruteraan Elektrik untuk Bengkel Semester Khas FKE dan FKEKK di samping terlibat dengan kerja-kerja perundungan projek perolehan dan petaulahan peralatan lapan buah Institut Kemahiran Belia Negara (Baru) di dalam bidang elektrik (Pendawai Elektrik dan Penjaga Jentera Elektrik) dengan usahasama Kementerian Sumber Manusia, Biro Inovasi Perundingan (UTM) dan Pusat Penyelidikan, Perundingan & Pendidikan Berterusan (UTHM).

## Personaliti Pilihan



**ABDUL RAHMAN BIN HJ. KHAMAS**  
PEMBANTU AM PEJABAT (FKP)

Mula berkhidmat di UTeM pada 1 Julai 2002 di Pejabat Bendahari. Menjalankan tugas seperti menguruskan surat menyurat dan menyelenggara kenderaan di Pejabat Bendahari, terlibat sama menguruskan aktiviti 5S serta membantu menguruskan kursus dan bengkel. Di samping itu, beliau terlibat secara aktif dalam sukan ping pong, bola sepak dan sepak takraw serta menabur bakti mewakili UTeM pada Sukan Antara Universiti (IPTA). Abdul Rahman yang tidak pernah lokek dengan senyuman ini turut berkhidmat sebagai Pembantu Pengajar sukan sepak takraw bagi subjek kurikulum UTeM.

**12 Januari 2009** - Badan Kebajikan Kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (BAKUTeM) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya untuk kali ke-5 di Dewan Besar UTeM. Hadir sama pada mesyuarat kali ini ialah Y.Bhg Prof. Datuk Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM.

Semasa menyampaikan ucapan, Y.Bhg. Prof. Datuk Ahmad Yusoff memuji kesungguhan BAKUTeM kerana menganjurkan pelbagai aktiviti berfaedah yang memberikan manfaat kepada semua ahli. Beliau menyifatkan BAKUTeM sebagai sebuah organisasi yang cukup mantap serta dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga universiti.

Pada majlis yang sama, BAKUTeM telah menyampaikan sumbangan sagu hati kepada anak-anak ahli yang telah mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR dan PMR tahun lepas. Hadirin juga disajikan dengan persembahan multimedia yang memaparkan rangkuman aktiviti-aktiviti BAKUTeM sepanjang tahun. Turut diadakan beberapa sesi cabutan bertuah yang menawarkan hadiah utama berupa komputer riba dan hamper.

Agenda utama mesyuarat adalah pembentangan aktiviti BAKUTeM sepanjang sesi 2009/2010 serta pencapaian yang telah diperoleh. Ia diikuti dengan pembubaran ahli jawatankuasa lama untuk pelantikan baru.

Selepas itu, mesyuarat pertama sesi 2010/2011 dijalankan bagi membincangkan perancangan aktiviti serta hala tuju persatuan yang mewakili semua staf ini. Sepanjang mesyuarat berlangsung, pelbagai pendapat dan cadangan membina telah dikemukakan untuk menambahbaikkan perjalanan BAKUTeM merangkumi pentadbiran, kewangan serta aktiviti yang melibatkan anak-anak ahli. Cadangan serta pendapat yang diluahkan membuktikan bahawa BAKUTeM telah menjadi sebuah badan yang sangat relevan kepada seluruh warga kerja UTeM.



## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKUTeM KALI KE-5



Berikut adalah sen-

tepih Nama BAKUTeM yang dilantik bagi penggal 2010/2012:

JAWA	PTj
Pengerusi	Dora
Naib Pengurusan	Syed Hassan
Setiausaha	Nazmilah binti Hasan
Penolong Setiausaha	Siti Norani Binti Dolah
Bendahari	Sabrina Binti Abdullah
Penolong Bendahari	Junaidah Binti Badar
Ketua Biro Kerohanian dan Sosial	Firdaus Bin Abu Bakar
Ketua Biro Kebajikan dan Sosial	Tn. Hj. Ahmad Rozelan Bin Yunus
Ketua Biro Sukan dan Rekreasi	Shahran Bin Moksen @ Mohd Hussin
Ketua Biro Hal Ehwal Wanita	Hjh. Noraida Binti Attan
Pemeriksa Kira-kira I	Mohd Erwan Bin Md Yusop
Pemeriksa kira-kira II	Noraliza Binti Yusof

